

TEORI-TEORI PEMBELAJARAN

Azizi Yahaya & Chu Siew Pang
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Artikel ini menerangkan tentang teori-teori pembelajaran. Teori ini adalah satu set pernyataan yang saling berkaitan mengenai sesuatu fenomena dan berupaya menerangkan dengan lebih jelas sesuatu fenomena.

Katakunci : teori pembelajaran

Pengenalan

Teori ialah suatu set pernyataan yang saling berkaitan mengenai sesuatu fenomena dan berupaya menerangkan dengan lebih jelas sesuatu fenomena (Mohd. Sharani Ahmad dan Zainal Madon, 2007). Pada hari ini, beberapa teori dan pendekatan telah diperkenalkan oleh ahli psikologi tentang pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Kesemua teori dan pendekatan yang diperkenalkan telah dikelompokkan kepada tiga kategori utama seperti berikut:

- a) Teori Afektif
- b) Teori Tingkah Laku
- c) Teori Kognitif

1. Teori Afektif

Teori afektif memfokuskan tingkah laku yang ditunjukkan oleh pelajar melalui perwatakan dan perawakan. Menurut Mat Jizat Abdul.al (2006) dlm Sharani (2007), perawakan dan perwatakan ini wujud apabila seseorang individu menerima dan membuat respons dan menghayati sepenuhnya pada sesuatu yang dipelajari. Salah satu teori pembelajaran yang digolongkan dalam teori afektif ialah Teori Humanistik.

a) Teori Humanistik

Abraham Maslow dan Carl Rogers merupakan dua orang pakar dalam Teori Humanistik. Teori ini mementingkan kesediaan moral dan potensi pelajar. Di samping itu, Teori Humanistik ini juga memfokuskan kepada perkara-perkara yang berkaitan secara langsung dengan individu, keunikan diri sendiri bagi seseorang individu dan juga kepentingan kemanusiaan terhadap individu.

Dalam Teori Humanistik, beberapa andaian telah dibuat. Antara andaian yang telah dibuat ialah manusia mempunyai keperluan dan keperluan asas. Sekiranya keperluan dan keperluan asas dipenuhi sepenuhnya maka secara langsung individu dapat memotivasikan individu sendiri ke peringkat yang lebih tinggi iaitu mencapai tahap kesempurnaan diri. Ini disokong oleh hierarki

keperluan mengikut Maslow (1984) yang menyatakan bahawa jika keperluan psikologi tidak dipenuhi oleh individu maka jiwa seseorang tersebut akan terganggu dan tidak tenteram.

Sepanjang proses pembelajaran, Teori Humanistik ini menekan kepada pelajar, berpusat kepada pelajar dan pelajar diibaratkan sebagai klien. Dalam keadaan ini, konsep ini sangat penting kerana ia menceritakan tentang beberapa aspek iaitu dari segi nilai manusia, hak individu, tindakan diri dan harga diri dalam menentukan sesuatu tindakan yang diambil.

2. Teori Tingkah Laku

Dalam pembelajaran, teori tingkah laku juga dikenali sebagai Teori Behaviourisme. Pendukung teori ini adalah seperti Bloomfield, Brooks dan Sapir. Dalam teori tingkah laku ini, teori yang dikelompokkan adalah sebanyak 16 model. Antara contoh teori yang dikelompokkan di bawah teori ini adalah seperti berikut:

- a) Teori Bandura
- b) Teori Pelaziman Klasik

a) Teori Bandura

Teori ini diasaskan oleh Albert Bandura. Dalam teori ini, ia menekankan bahawa tingkah laku manusia berlaku hasil hubungan di antara persekitaran dengan kognitif manusia. Pembelajaran bermula apabila seseorang telah mula bertindak dengan sesuatu rangsangan. Di samping itu, teori ini menyatakan bahawa proses pembelajaran tidak akan berjalan dengan lancar sekiranya tidak ada minat pada pelajar.

b) Teori Pelaziman Klasik.

Teori ini diperkenalkan oleh Ivan Petrovich Pavlov. Dalam teori ini, Ivan Petrovich Pavlov dlm Sharani (2007) berpendapat bahawa semakin banyak latihan dilakukan, semakin kukuh gerak balas kelaziman. Dalam proses pembelajaran, teori ini lebih disesuaikan untuk kanak-kanak.


3. Teori Kognitif

Teori kognitif ini dipelopori oleh Piaget dan menekankan proses mental dalaman. Teori ini melibatkan proses penerimaan maklumat, pemahaman dan penggunaan pengetahuan. Pengetahuan pula boleh bertambah melalui deria pengamatan yang ada pada pelajar. Menurut Azizi Yahaya.et.al (2005), pengamatan akan menghasilkan pembentukan konsep, iaitu idea spesifik tentang sesuatu kelompok atau pengalaman. Hasil pelbagai konsep akan memberi pengalaman yang baru kepada seseorang dalam menyelesaikan masalah yang baru dalam membentuk implikasi terhadap pembelajaran melalui pendekatan kognitif (Azizi Yahaya.et.al, 2005). Antara contoh model pembelajaran kognitif adalah seperti berikut:

- a) Teori Pembelajaran Ausubel
- b) Teori Gestalt
- c) Teori Gagne

a) Teori Pembelajaran Ausubel

Teori ini diperkenalkan oleh Ausubel. Dalam teori ini, ia menekankan penguasaan maklumat. Pembelajaran Ausubel dijalankan melalui dua cara seperti Rajah 2.2 yang berikutnya:



Rajah 2.2 : Teori Ausubel (Sumber: Tip Panduan Belajar, 2007)

b) Teori Gestalt

Teori ini diperkenalkan oleh Max Wertherimer (1880-1943), Kurt Koffka (1886-1941) dan Wolfgang Kohler (1887-1967). Mengikut Wertherimer dlm Sharani (2007), dalam proses pembelajaran, melihat satu proses sahaja tidak mencukupi untuk memahami secara keseluruhan. Selain itu, tokoh-tokoh Teori Gestalt menasihatkan supaya berhati-hati semasa membuat tanggapan dan juga pentafsiran.

c) Teori Gagne

Pengasas teori ini ialah Gagne (1970) yang merupakan seorang ahli psikologi yang banyak melibatkan diri dalam penyelidikan tentang fasa dan juga rangkaian pembelajaran. Teori Gagne ini menyatakan bahawa pembelajaran yang berkesan adalah melalui tiga proses iaitu keadaan sebelum input, peristiwa penting dan aspek yang berkaitan dengan tindak balas.

Rujukan

- Mohd. Sharani Ahmad & Zainal Madon (2007). "Tip Pandai Belajar." Kuala Lumpur.: PTS Millenia.
- Abraham H. Maslow (1984). " Motivasi Dan Keperibadian " Jakarta: Pustaka Binoman Pressido.
- Azizi Yahaya.et.al (2005). "Psikologi Kognitif ." Johor : Universiti Teknologi Malaysia.
- Gagne, Ellen D (1985). " The Cognitive Psychology Of School Learning." Boston: Little Brown.